

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April, 1992

ATP400 - DASAR-DASAR PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan jawab **TIGA** soalan yang lain.

1. (a) Apakah perancangan strategi? Kenapa perancangan strategi penting?

[5 markah]

(b) Jika anda dikehendaki menyediakan rancangan korporat bagi sebuah syarikat yang mengeluarkan cokelat, huraikan langkah-langkah yang anda akan ikut.

[20 markah]

2. Ramalan perubahan persekitaran sangat penting di dalam mengenali peluang dan ancaman kepada syarikat. Terangkan secara terperinci bagaimana anda boleh membuat analisis serta ramalan tentang perubahan ekonomi negara yang memberi kesan kepada syarikat anda.

[25 markah]

...2/-

ATP400

3. (a) Bagaimakah anda boleh membuat analisis dalaman bagi bidang pemasaran?

[10 markah]

- (b) Terangkan bagaimana penemuan kajian PIMS (Profit Impact Market Strategies) dapat membantu di dalam pembentukan strategi?

[15 markah]

4. Porter (1980) menyarankan supaya syarikat-syarikat mengelakkan diri daripada "keadaan tersangkut di tengah-tengah" (being stuck in the middle). Adakah anda bersetuju? Kenapa? Apakah alternatifnya?

[25 markah]

5. Waterman, et al. (1980) dan Peters & Waterman (1982) menekankan betapa pentingnya peranan kepimpinan di dalam pembentukan strategi dan perlaksanaannya demi kecemerlangan organisasi. Huraikan peranan ini.

[25 markah]

6. (a) Bandingkan penemuan kajian strategi korporat yang dijalankan di Malaysia dengan penemuan kajian yang berkaitan di barat.

[25 markah]

ATAU

- (b) Bincangkan cadangan penyelidikan yang dibuat oleh Blair dan Boal (1991) dalam konteks kajian strategi pengurusan.

[25 markah]

---oooooooo---